

BH, 25 Jan 2017, m/s BS

# Weststar dapat pengiktirafan cemerlang amalan 5S

**Weststar** Aviation Services Sdn Bhd (Weststar) mendapat sijil pengiktirafan cemerlang amalan 5S berikutan kejayaan syarikat itu memberi perkhidmatan terbaik dalam industri pengangkutan minyak dan gas.

Pengiktirafan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) kepada syarikat berpengkalan di Kota Bharu, Kelantan itu adalah pertama kali diberikan kepada syarikat perkhidmatan dalam industri pengangkutan minyak dan gas di negara ini.

Pegawai Operasinya, Wan Hamsar Wan Hassan, berkata Weststar adalah syarikat pengangkutan logistik terbesar dan sentiasa mengutamakan kese-

lamatan penumpang ke tempat kerja.

## Tingkat produktiviti

“Konsep amalan 5S ini adalah salah satu inisiatif yang tepat bagi meningkatkan produktiviti serta memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan industri minyak dan gas di negara ini.

“Konsep 5S ini merangkumi lima amalan iaitu sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal itu diselaras dalam setiap operasi syarikat termasuk penyelengaraan pesawat,” katanya pada sidang media Kota Bharu, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Weststar Aviation,

Jeneral (B) Tan Sri Muhammad Ismail Jamaluddin dan Timbalan Ketua Pengarah MPC (Kualiti dan Cemerlang), Ab Rahim Yusof.

Sebelum itu, Wan Hamsar menerima sijil pengiktirafan cemerlang dari MPC di Weststar Aviation Pengkalan Chepa, Kelantan.

Beliau berkata, Weststar kini dalam proses mengembangkan rangkaian perkhidmatan ditawarkannya ke seluruh negara.

Katanya, setakat ini, empat cawangan Weststar sedang beroperasi iaitu di Kota Bharu, Kerteh, Kota Kinabalu dan Miri selain rangkaian luar negara di Indonesia dan Thailand.

[ FOTO FARIS ZAINULDIN / BH ]



Ab Rahim (dua dari kanan) menyampaikan sijil pengiktirafan cemerlang amalan 5S kepada Wan Hamsar di Weststar Aviation Pengkalan Chepa, Kelantan, semalam.